



Coca-Cola
Malaysia

PERTANDINGAN WATER VISION 2021
SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

CARA-CARA MENYERTAI PERTANDINGAN WATER VISION 2021

A	(BORANG PENYERTAAN): Isi borang Penyertaan <i>Google Classroom – Water Vision 2021</i> (Pertandingan Water Vision 2021). Borang penyertaan boleh diperolehi di sini: https://forms.gle/k4Na2fWwBQQhMuyR8 <i>Google Classroom – Water Vision 2021</i> akan dibuka dari 1 Julai sehingga 1 September 2021 untuk murid Tingkatan 1 hingga 4 sahaja dari seluruh negara.
B	(SOAL SELIDIK AWAL): Lengkapkan soal selidik <i>Google Classroom – Water Vision 2021</i> . Soal selidik ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas tentang pengetahuan dan amalan murid berkaitan <i>marine debris</i> . Borang soal selidik boleh diperolehi di sini: https://bit.ly/3hbojKk
C	(KOD GOOGLE CLASSROOM): Kod <i>Google Classroom</i> Pertandingan Water Vision 2021 akan diberikan kepada peserta Pertandingan setelah langkah A & B dilengkapkan.
D	(UNIT PEMBELAJARAN WATER VISION 2021): Lengkapkan unit pembelajaran <i>Google Classroom – Water Vision 2021</i> .
E	(JAWATANKUASA WATER VISION): Tubuhkan satu (1) Jawatankuasa Water Vision yang terdiri daripada sekurang-kurangnya 4 orang murid dan 1 orang guru penasihat. Jawatankuasa perlu berbincang dan berikan cadangan yang boleh mengurangkan <i>marine debris</i> di lautan.
F	(VIDEO TIK TOK): Hasilkan satu video sepanjang 40-60 saat dan muat naik video tersebut melalui perisian aplikasi Tik Tok selewat-lewatnya pada 1 September 2021
G	(SOAL SELIDIK AKHIR): Soal selidik ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas tentang pengetahuan, tingkah laku, cita-cita dan persepsi murid berkaitan sisa marin di akhir tempoh pertandingan.

KELAYAKAN UNTUK MENYERTAI PERTANDINGAN

1. Tempoh pertandingan adalah dari 1 Julai hingga 1 September 2021
2. Pertandingan Water Vision 2021 ("Pertandingan") dibuka untuk semua pelajar sekolah menengah (kerajaan atau swasta). Sekolah yang menghantar penyertaan kepada pertandingan ini digalakkan untuk berdaftar sebagai ahli Kelab Pencinta Alam (KPA).
3. Pertandingan ini dibuka untuk semua pelajar yang berada dalam Tingkatan 1 hingga 4



Coca-Cola
Malaysia

PERTANDINGAN WATER VISION 2021
SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

sahaja.

4. Peserta pertandingan hendaklah membentuk satu kumpulan yang terdiri daripada 4 pelajar dan 1 guru penasihat
5. Setiap sekolah boleh menghantar lebih dari 1 penyertaan. Bagaimanapun, setiap penyertaan mestilah dihantar dengan menggunakan Borang Penyertaan yang berasingan.

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

1. Semua peserta Pertandingan Water Vision 2021 perlu melengkapkan Google Classroom Water Vision 2021. Penyertaan akan dinilai berdasarkan tugas akhir, iaitu penghasilan sebuah video Tik Tok yang dihantar. Ia mestilah memperincikan salah satu cadangan di bawah:
 - i. Cadangan berbentuk inovasi yang boleh mengurangkan kuantiti sisa yang hanyut ke lautan.
Contoh: inovasi tong kitar semula, perangkap sampah, tong sampah laut (*seabin*), robot pembersih *marine debris* dan sebagainya.
 - ii. Cadangan berbentuk inovasi yang boleh menjadi alternatif kepada sisa plastik sekali guna menjelang 2030.
Contoh: beg membeli belah daripada barang terpakai, inovasi selongsong telefon pintar (*phone case*) mesra alam, inovasi plastik daripada bahan mudah terurai dan sebagainya.
2. Video tersebut hendaklah **tidak kurang daripada 40 saat** dan **tidak lebih daripada 60 saat**.
3. Video tersebut hendaklah dimuat naik perisian aplikasi Tik Tok selewat-lewatnya pada **1 September 2021** dan pautan diletakkan di dalam Google Classroom: Water Vision 2021
4. Penyertaan haruslah memperincikan idea-idea baharu, moden, inovatif dan sesuai untuk dilaksanakan oleh murid sekolah.
5. Peserta boleh juga memberi gambaran dalam bentuk lukisan bagi menerangkan konsep inovasi/replika reka bentuk yang dipaparkan di dalam video.
6. Pastikan video mempunyai kapsyen ringkas dan menarik dengan tanda pagar (*hashtag*) berikut:
#watervision2021 #savetheocean #zerowaste #malaysiannaturesociety
#kelabpencintaalam
7. Penyertaan akan terbatal sekiranya didapati;
 - i. Meniru/menjiplak kandungan daripada video atau mana-mana sumber lain (plagiat).
 - ii. Melanggar hak cipta mana-mana pihak.
 - iii. Video dimuat naik melebihi tarikh tutup penyertaan.
 - iv. Kandungan video melibatkan perlakuan tidak bermoral, menyinggung perasaan mana-mana pihak, menimbulkan fitnah, melibatkan sensitiviti berkaitan agama, bangsa, dan politik



PERTANDINGAN WATER VISION 2021 SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

PENILAIAN

1. Video Tik Tok akan dinilai berdasarkan:

Kandungan	60%	Video	40%
Kesesuaian & keberkesanan cadangan untuk mengurangkan <i>marine debris</i>	60%	Kreativiti	20%
		Penyampaian mesej yang jelas	20%

2. Panel juri terdiri daripada pakar pemuliharaan alam sekitar dari Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) dan dari Coca-Cola Malaysia.
3. Keputusan juri adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.

HADIAH

- Semua peserta yang menyertai Pertandingan Water Vision 2021 akan menerima Sijil Penyertaan peringkat kebangsaan.
- 5 penyertaan/kumpulan terbaik akan memperoleh hadiah saguhati istimewa dari Coca-Cola Malaysia dan Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) serta wang tunai berjumlah RM500 (tempat pertama), RM300 (tempat kedua), RM200 (tempat ketiga), RM100 (tempat keempat dan kelima)
- Wang insentif sebanyak RM300 untuk sekolah yang menghantar penyertaan terbanyak
- Wang insentif sebanyak RM500 untuk menghasilkan prototaip inovasi yang dicadangkan kepada pemenang tempat pertama

1. Keputusan pertandingan ini akan dimaklumkan melalui laman web MNS, pihak sekolah dan guru penasihat peserta.
2. Hadiah tidak boleh ditukar atau diganti dengan wang ringgit. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap waranti, penyelenggaraan atau apa-apa caj tambahan untuk hadiah yang ditawarkan. Pihak penganjur juga berhak untuk menukar hadiah yang ditawarkan dengan hadiah alternatif yang mempunyai nilai yang sama atau lebih tinggi.



Coca-Cola
Malaysia

**PERTANDINGAN WATER VISION 2021
SYARAT-SYARAT PENYERTAAN**

HAK PENGGUNAAN PENYERTAAN

1. Dengan menyertai Pertandingan ini, peserta membenarkan pihak penganjur dan agensi-agensi yang berkaitan untuk menggunakan nama atau gambar anda yang diambil semasa mana-mana acara anjuran penganjur.
2. Kesemua penyertaan yang dihantar akan menjadi milik penganjur dan tidak akan dipulangkan kepada peserta.
3. Penganjur mempunyai hak untuk menghantar maklumat pemenang kepada media massa apabila difikirkan perlu untuk tujuan publisiti.
4. Apabila menyertai pertandingan ini, para peserta bersetuju dengan perkara berikut:
 - Membenarkan dan memindahkan semua hak cipta di dalam penyertaan (termasuk tajuk penyertaan) kepada pihak penganjur. Pihak penganjur juga berhak untuk membuat sebarang suntingan pada penyertaan yang dihantar tanpa meminta kebenaran daripada peserta pertandingan.
 - Memberikan segala hak cipta yang terdapat di dalam semua atau sebahagian daripada setiap ahli kumpulan untuk tujuan publisiti, pemasaran, pengiklanan dan penggunaan komersial.
 - Penyertaan yang dihantar adalah karya sendiri dan tidak melanggar hak cipta mana-mana pihak.
 - Bersetuju untuk memberikan lain-lain dokumen/maklumat yang berkaitan dengan karya/ciptaan penyertaan kepada pihak penganjur apabila diperlukan.

SYARAT-SYARAT UMUM

1. Sebarang maklumat dalam bahan-bahan promosi, Borang Penyertaan dan lain-lain komunikasi membentuk syarat-syarat dan peraturan pertandingan.
2. Apabila menyertai pertandingan, para peserta bersetuju untuk mematuhi semua syarat-syarat dan peraturan pertandingan. Pernyataan akan tebatul sekiranya didapati melanggar mana-mana syarat-syarat dan peraturan pertandingan.
3. Pihak penganjur bersama adalah Coca-Cola Far East Limited, 8th Floor, Menara Shell, No. 211 Jalan Tun Sambathan, 50470 Kuala Lumpur dan Persatuan Pencinta Alam Malaysia, JKR 641, Jalan Kelantan, Bukit Persekutuan, 50480 Kuala Lumpur.
4. Sebarang pertanyaan bolehlah dikemukakan melalui emel kepada ee_programs@mns.org.my atau hubungi Jabatan Pendidikan Alam Sekitar, MNS di 03-22879422